

RM147j dilabur untuk tarik pelancong tahun ini

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Kerajaan memperuntukan RM149 juta bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007 dalam usaha menarik kedatangan lebih ramai pelancong.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, untuk menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi perlancongan menarik, negara perlu mempertingkatkan kemudahan dan mempelbagaikan produk pelancongan.

Beliau ketika membentangkan Bajet 2007 di sini berkata: "Tahun Melawat Malaysia 2007 akan diadakan dengan tema 'Menyambut 50 tahun kenegaraan'".

Abdullah menambah, bagi mencapai

matlamat itu, kerajaan mencadangkan pelaksanaan tiga insentif.

Beliau berkata, pengusaha pelancongan diberikan pengecualian duti eksais sebanyak 50 peratus ke atas kenderaan pacuan empat roda yang dipasang dalam negara.

Katanya, pengecualian cukai pendapatan juga diberikan kepada syarikat pelancongan yang mengendalikan sekurang-kurangnya 500 pelancong luar negara atau 1,200 pelancong domestik setahun dilanjutkan lima tahun lagi sehingga tahun tafsiran 2011.

Abdullah berkata, pengecualian cukai pendapatan juga diberikan kepada pekerja

bagi manfaat percutian dalam negara yang disediakan oleh majikan yang kini hanya diberi ke atas tambang perjalanan diperluaskan meliputi perbelanjaan penginapan dan makanan.

Katanya, Malaysia telah berjaya menarik ramai pelancong asing ke negara ini dengan mencatatkan ketibaan 16.4 juta pada tahun 2005 berbanding 10.2 juta pada tahun 2000.

Abdullah berkata, pendapatan daripada industri pelancongan telah meningkat kepada RM32 bilion pada tahun 2005 berbanding RM17.3 pada tahun 2000 dan mewujudkan 451,000 peluang pekerjaan.